

**MASALAH KANAK-KANAK PEMULIHAN  
DAN CARA-CARA MENGATASI  
-TINJAUAN KES DI PANTAI REMIS**

*oleh*

**MUSTAFA BAHARUDIN**

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada  
Kajian Pentadbiran Dan Undang-Undang  
Institut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor  
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk  
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam  
Jun 1995

## PENGHARGAAN

---

Bismilla hirrahma nirrahim

Atas segala rahmat, limpah dan kurnia, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t , akhirnya Kertas projek ini dapat disiapkan.

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Fauzy Harun yang telah menyelia dan memberi tunjuk ajar dalam proses menyiapkan Kertas projek ini.

Jutaan terima kasih kepada Encik Saleh Idris, Encik Fuad Samson, Puan Mariam Hashim dan kesemua guru besar-guru besar, guru-guru dan ibu-bapa dari Sekolah Kebangsaan Panchor, Sekolah Kebangsaan Pengkalan Bahru dan Sekolah Kebangsaan Pantai Remis yang terlibat secara langsung dan tidak langsung semasa kajian ini dijalankan.

Istimewa untuk Bonda dan seluruh Keluarga dari kedua belah pihak yang sama-sama mencipta kenangan dalam memberikan segala dorongan dan semangat. Diucapkan jutaan terima kasih.

Akhir sekali, teristimewa untuk isteri Dhazilla Muhamad, segala jerih payah dan pengorbanan dalam membantu menyiapkan Kertas projek ini amatlah dihargai dan disanjungi.

### SINOPSIS

---

Kanak-Kanak pemulihian merupakan Kanak-Kanak yang lemah di dalam pelajaran berbanding dengan rakan sebaya. Mereka tidak memiliki sebarang kecacatan khas, banyak alasan dikaitkan dengan kemunduran mereka. Faktor baka, kemiskinan hidup dan kurang makanan berzat adalah di antara punca-punca utama yang dikatakan faktor penyebab wujudnya Kanak-Kanak sedemikian.

Sebahagian daripada mereka masih tidak tahu membaca dan menulis walaupun setelah berada selama enam tahun di sekolah rendah. Apakah yang sebenarnya telah mereka lakukan?

Kajian ini sedikit sebanyak cuba mendedahkan ciri-ciri murid atau Kanak-Kanak pemulihian, masalah-masalah yang mereka hadapi dan peranan-peranan yang harus dimainkan oleh institusi-institusi tertentu bagi menangani masalah mereka.

**KANDUNGAN**

	Muka Surat
Penghargaan	I
Sinopsis	II
Senarai Jadual	III
Kandungan	IV
<b>BAHAGIAN I</b>	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	
1.3 Tujuan Kajian	
1.4 Methadologi Kajian	
<b>BAHAGIAN II</b>	
KANAK-KANAK PEMULIHAN	5
<b>BAHAGIAN III</b>	
PUNCA MASALAH KANAK-KANAK PEMULIHAN	11
3.1 Faktor Baka dan Awal Kanak-Kanak	
3.2 Faktor Sosio Ekonomi	
3.3 Faktor Persekutaran	
3.4 Faktor Fizikal	
3.5 Masalah Emosi	
<b>BAHAGIAN IV</b>	
MASALAH KANAK-KANAK PEMULIHAN	20

## BAHAGIAN 1

### 1. PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan.

Pendidikan merupakan satu isu nasional. Banyak wang diperuntukkan bagi meningkatkan taraf pendidikan pada setiap tahun tetapi timbul persoalan, Kenapa masih terdapat ramai murid yang masih tercicir di dalam pelajaran.

Pertumbuhan dan perkembangan manusia tidak dapat lari dari tingkah laku. Ia merupakan suatu proses jalinan mental dan fizikal yang dipengaruhi oleh faktor-faktor dalam dan luaran seperti faktor warisan dan alam sekeliling. Tingkah laku juga dikaitkan dengan tindak balas seseorang terhadap kehidupan yang dilaluinya.

Masalah Kanak-Kanak pemulihian terdapat di mana-mana sahaja. Bagi sesetengah sekolah, golongan ini menimbulkan suatu masalah. Mereka dianggap sebagai golongan murid yang berprestasi rendah di dalam pelajaran dan seterusnya menggugat taraf pencapaian sekolah secara keseluruhan. Di kalangan rakan sebaya mereka kurang popular, tidak aktif dan kadang-kadang suka menyendiri. Mereka kerap menimbulkan masalah di dalam pembelajaran mahu pun pengajaran. Tindak balas mereka terhadap persekitaran, kadang-kadang keterlaluan yang sering menerbitkan pelbagai tingkah laku.